



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PERBICARAAN KES SECARA SIDANG VIDEO DI MAHKAMAH TERBUKA,  
ISTANA KEHAKIMAN PUTRAJAYA**

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa komited dalam memastikan akses kepada keadilan disampaikan kepada semua lapisan masyarakat. Beberapa pendekatan telah dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan akses kepada keadilan (*continuing access to justice*) dapat dilaksanakan. Tidak dapat dinafikan, pandemik COVID-19 ini telah menjadi pemangkin kepada penggunaan teknologi di Mahkamah. Badan Kehakiman Malaysia sentiasa proaktif dan berusaha dalam memaksimumkan penggunaan teknologi dalam mengadaptasi norma baharu bagi memastikan pentadbiran keadilan tidak terhenti begitu sahaja.

Selaras dengan pindaan terbaharu Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] yang mula berkuat kuasa pada 22 Oktober 2020, peruntukan Seksyen 15A Akta tersebut antara lainya membenarkan apa-apa prosiding sivil atau jenayah dijalankan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh demi kepentingan keadilan.

Secara rintis, pada 9 November 2020, perbicaraan kes secara sidang video telah dijalankan di Mahkamah Terbuka, Bilik Bicara Mahkamah Persekutuan 1 yang melibatkan dua (2) kes rayuan sivil yang dibicarakan di hadapan lima (5) Panel dan dua (2) kes rayuan sivil yang dibicarakan di hadapan tiga (3) panel Hakim Mahkamah Persekutuan. Kesemua panel hakim ini akan berada di dalam Mahkamah Terbuka manakala pihak peguam berada di stesen masing-masing.

Mahkamah Persekutuan juga secara rintis telah mendengar kes-kes rayuan jenayah *Habeas Corpus* secara dalam talian di Mahkamah Teknologi. *Habeas Corpus* adalah permohonan untuk satu perintah mahkamah supaya seseorang itu dilepaskan daripada penahanan yang tidak mengikut undang-undang. Inisiatif bagi mendengar

kes-kes *Habeas Corpus* ini adalah untuk memastikan hak-hak kebebasan individu dapat dijamin dengan menyelesaikan kes rayuan pada kadar yang segera walaupun dalam situasi pandemik pada masa ini.

Situasi pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia secara drastiknya telah memberi impak kepada kaedah sesuatu tugas dijalankan dan dalam hal ini termasuklah penjalanan tugas di Mahkamah. Selari dengan situasi yang berlaku dan sebagai langkah jangka panjang Badan Kehakiman Malaysia dalam menghadapi situasi ini, langkah-langkah proaktif seperti ini diharap dapat melancarkan misi Badan Kehakiman Malaysia dalam memberikan akses kepada keadilan kepada semua pihak dengan baik dan efisien.

Terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 9 November 2020**